MAKLUMAT PROGRAM

SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

1. **Nama Program** : Sarjana Pentadbiran Perniagaan
2. **Kredit Bergraduat** : 42 Kredit
3. **Bahasa Pengantar** : Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris
4. **Mod Pengajian** : Sepenuh Masa dan Separuh Masa
5. **Kaedah Pengajaran** : Kuliah, Tutorial & Projek
6. **Tempoh pengajian** : Min 1 Tahun (Sepenuh Masa)
   Min 2 Tahun (Separuh Masa)
7. **Matlamat Program** :

Matlamat penawaran Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) adalah selari dengan visi KIAS sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Rabbani dalam melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran lanjutan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perniagaan, berteraskan integrasi ilmu pengurusan moden dengan prinsip dan nilai Islam. Program ini bertujuan membentuk graduan yang berkeupayaan mengaplikasikan teori, konsep dan prinsip pengurusan secara strategik, kritis dan inovatif dalam menangani cabaran organisasi serta memenuhi keperluan industri dan persekitaran perniagaan kontemporari.

Selaras dengan misi KIAS untuk membentuk generasi Muslim progresif yang berilmu, bertakwa dan berakhlak, program ini berhasrat melahirkan pemimpin dan pengurus profesional yang memiliki kemahiran kepimpinan strategik, komunikasi berkesan, pemikiran analitikal serta keupayaan membuat keputusan berlandaskan etika dan prinsip Syariah.

Selain itu, program ini turut membentuk graduan yang berdaya saing, berfikiran keusahawanan, celik digital dan responsif terhadap perubahan persekitaran perniagaan, di samping mempunyai komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat serta menghayati nilai Rabbani dalam pembangunan diri, kerjaya dan organisasi.

8. Objektif Pembelajaran Program (PEO)

PEO 1	Menguasai pengetahuan teori dan praktikal dalam bidang perniagaan melalui pengintegrasian amalan kontemporari dengan prinsip dan nilai-nilai Islam.
PEO 2	Menguasai dan mengaplikasikan kemahiran pengurusan serta keusahawanan secara komprehensif bagi memimpin organisasi yang berbeza dengan berkesan dan bertanggungjawab.
PEO 3	Mengaplikasikan pelbagai aplikasi digital dan teknik analisis secara cekap bagi menyokong pelaksanaan fungsi-fungsi perniagaan.
PEO 4	Memperlihatkan keupayaan bekerja secara berpasukan, kemahiran komunikasi interpersonal serta kebolehan berfikir secara kreatif dan inovatif.
PEO 5	Mengamalkan etika profesional, pembelajaran sepanjang hayat dan nilai-nilai Rabbani bagi menyokong pembangunan diri dan peningkatan kompetensi secara berterusan.

9. Hasil Pembelajaran Program (PLO)

PLO 1	Menilai dan mengintegrasikan teori serta konsep dalam bidang perniagaan dan pengurusan berdasarkan perspektif konvensional dan Islam.
PLO 2	Menyelesaikan permasalahan kompleks dengan mengemukakan cadangan penyelesaian yang bersesuaian kepada organisasi perniagaan.
PLO 3	Mengorganisasi tugasan dan operasi yang kompleks dalam organisasi perniagaan secara beretika dan fleksibel.
PLO 4	Memperlihatkan keberkesanan dalam komunikasi lisan dan penulisan serta keupayaan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan.
PLO 5	Menyampaikan idea secara lisan dan bertulis dengan yakin, tepat, jelas dan tersusun menggunakan kaedah serta bentuk persembahan yang bersesuaian

	mengikut konteks dan kumpulan sasaran yang berbeza.
PLO 6	Mengaplikasikan kemahiran digital yang relevan untuk tujuan penyelidikan, pekerjaan dan pembelajaran.
PLO 7	Mentafsir data berbentuk numerik, kualitatif dan grafik bagi menyokong proses pembuatan keputusan serta penyelesaian masalah dalam pekerjaan dan pembelajaran.
PLO 8	Memperlihatkan kemahiran kepimpinan dan tanggungjawab dalam mengurus organisasi perniagaan.
PLO 9	Mengamalkan penambahbaikan kendiri secara berterusan bagi menyokong pembangunan akademik dan kerjaya.
PLO 10	Mengaplikasikan kemahiran keusahawanan dalam mengenal pasti dan menyelesaikan permasalahan perniagaan.
PLO 11	Mematuhi prinsip etika, mengenal pasti isu-isu etika, membuat keputusan secara beretika serta bertindak secara profesional dalam pelbagai persekitaran sosial dan profesional.
PLO 12	Memahami dan melaksanakan tanggungjawab sebagai insan yang berilmu dan berakhlak mulia, serta berupaya memanfaatkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan bagi membangunkan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat selaras dengan matlamat dan nilai teras pendidikan Rabbani.

10. Prospek Kerjaya :

Graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) mempunyai prospek kerjaya yang luas dalam sektor awam, swasta dan keusahawanan, khususnya dalam bidang pengurusan, pentadbiran, kepimpinan dan perundingan perniagaan. Graduan berpeluang menjawat jawatan seperti pengurus kanan, pengurus operasi, pengurus sumber manusia, pengurus pemasaran, pengurus kewangan, eksekutif strategik, perunding pengurusan, pegawai pembangunan perniagaan serta usahawan. Selain itu, graduan juga berpotensi menerajui organisasi, mengembangkan perniagaan sendiri dan menyumbang kepakaran dalam bidang tadbir urus korporat, pengurusan strategik serta pengurusan perniagaan berteraskan prinsip dan nilai-nilai Islam.

MAKLUMAT PROGRAM

11. Struktur Program :

Semester 1			
Bil.	**Kod Kursus**	**Mata Pelajaran**	**Kredit**
1.	MBK4014	Human Resources Management	4
2.	MBK4044	Managerial Finance	4
3.	MBK4034	Managerial Accounting	4
4.	MBK4312	Islamic Corporate Governance	2
5.	MBK4322	Islamic Wealth Management	
6.	MBK4332	Qawaid Fiqh For Manager	
		Jumlah Kredit	14

Semester 2			
Bil.	**Kod Kursus**	**Mata Pelajaran**	**Kredit**
1.	MBK4054	Business Economics	4
2.	MBK4064	Managerial Business Analytics	4
3.	MBK4074	Research Methods For Business Project	4
4.	MBK4342	Artificial Intelligence In Islamic Business And Society	2
5.	MBK4352	Islamic Social Finance And Institution	
6.	MBK4362	Maqasid Al-Shariah In Business And Management	
		Jumlah Kredit	14

Semester 3			
Bil.	**Kod Kursus**	**Mata Pelajaran**	**Kredit**
1.	MBK4024	Marketing Management	4
2.	MBK4084	Strategic Management	4
3.	MBK4206	Business Research Project	6
		Jumlah Kredit	14

Jumlah Kredit Keseluruhan	**42**

12. Syarat Kemasukan :

i- Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia - MQF) dalam bidang berkaitan dengan PNGK minimum 2.50 seperti yang diterima oleh Senat IPT;

ATAU

ii- Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan PNGK minimum 2.00 tetapi tidak mencapai 2.50, boleh diterima tertakluk kepada penilaian dalaman yang ketat;

ATAU

iii- iii. Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang tidak berkaitan dengan PNGK minimum 2.00, seperti yang diterima oleh Senat IPT, dengan pengalaman kerja yang berkaitan, tertakluk kepada penilaian dalaman yang ketat;

ATAU

iv- Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang tidak berkaitan dengan PNGK minimum 2.00, seperti yang diterima oleh Senat IPT, tanpa pengalaman kerja yang berkaitan, tertakluk kepada lulus kursus prasyarat;

ATAU

v- Kelayakan lain yang setara/berkaitan dengan Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

MAKLUMAT PROGRAM

Koordinator Program : Dr. Suraini binti Saufi
No. Telefon KP : 012-9621481

MAKLUMAT PROGRAM

Format

Font	: SE Garamond (Medium) / Bold for topics / Unbold for details.
Saiz	: 12
Spacing	: 1.15 (Remove space after & before paragraph)
Numbering	: Yes